



### Lebih 3,000 syarikat di Sarawak tutup akibat pandemic

KUCHING: Sebanyak 3,641 syarikat di Sarawak 'gulung tikar' dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19 antara 2020 hingga kini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan negeri, Datuk Malcolm Mussen Lamoh, berkata syarikat terbabit menamatkan operasi secara sukarela atau menerusi perintah mahkamah.

Berdasarkan tinjauan impak pandemik COVID-19 dijalankan kementerian, katanya, sejumlah 64.8 peratus perusahaan kecil dan sederhana (IKS) di Sarawak turut hilang pendapatan.

"Ia termasuk usahawan mikro, peniaga kecil dan penjaja kecil yang menerima kesan teruk ketika PKP.

"Hasil tinjauan kementerian disokong oleh dapatan hampir sama oleh **Jabatan Perangkaan Malaysia** yang melaporkan 67.8 peratus perniagaan di Malaysia termasuk IKS direkodkan kehilangan pendapatan dalam tempoh itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Safiee Ahmad (GPS-Daro) pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, hari ini.

Bagi mengurangkan kesan pandemik COVID-19, Malcolm berkata, kerajaan Persekutuan menyediakan pelbagai bantuan menerusi beberapa pakej.

Antaranya Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) dan Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).

"Kerajaan Sarawak turut menyediakan Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) menerusi pakej 1.0 hingga 9.0 yang berjumlah RM6.7 bilion.

"Pakej BKSS itu termasuk bantuan kewangan dan bukan kewangan untuk semua rakyat termasuk IKS," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1029702/lebih-3000-syarikat-di-sarawak-tutup-akibat-pandemik>